

26 FEB 2003

Ling-Formula/I

FORMULA 'PERSAINGAN SIHAT' MAS DAN AIR ASIA SIAP DIGUBAL

PUTRAJAYA, 26 Feb (Bernama) -- Kerajaan telah menggubal satu formula bagi mewujudkan persaingan sihat antara Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Persaingan yang dimaksudkan ialah daripada segi penyediaan laluan domestik dan antarabangsa, katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat kabinet di sini hari ini.

"Kami telah mencipta satu formula bagaimana syarikat-syarikat penerbangan ini boleh sama-sama beroperasi tapi saya akan beritahu anda setelah berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata demikian apabila ditanya tentang perkembangan rundingan antara MAS dan Air Asia selepas kerajaan memutuskan untuk campur tangan bagi menangani perang harga tiket bagi laluan domestik yang melibatkan kedua-dua syarikat itu.

Kerajaan bertindak demikian berikutan dakwaan Air Asia bahawa rancangan penjimatan luar biasa yang dilancarkan oleh MAS boleh menyebabkan syarikat itu terpaksa gulung tikar.

Rancangan penjimatan itu memberi potongan 50 peratus tambang bagi laluan domestik, kecuali bagi perkhidmatan luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Dr Ling berkata formula berkenaan ditetapkan oleh kerajaan setelah mendapati MAS dan Air Asia boleh wujud secara beriringan dan prospek pertumbuhan kedua-dua syarikat itu menjadi lebih baik dengan adanya persaingan sihat.

"Setiap satu memiliki kemampuan. Kita boleh lihat bahawa sejak setahun lepas, Air Asia telah berjaya menarik lebih sejuta penumpang tetapi angka yang dicatatkan oleh MAS menunjukkan trafik penumpangnya tidak berkurangan," katanya.

Pada tahun lepas, Kementerian Pengangkutan mencadangkan agar MAS dan Air Asia mengadakan operasi di laluan berasingan sebagai satu daripada tiga cara bagi menamatkan perang harga sesama mereka.

Dua cadangan lain ialah supaya MAS dan Air Asia membeli ekuiti satu sama lain atau terus mengadakan "persaingan terbuka" bagi laluan domestik seperti yang ada sekarang.

Bagaimanapun, kedua-dua syarikat itu dilaporkan tidak begitu berminat dengan cadangan pembelian ekuiti satu sama lain.

Ditanya sama ada kedua-dua syarikat berkenaan akan diberi lebih banyak laluan untuk mengadakan perkhidmatan mengikut formula yang dimaksudkan, Dr Ling berkata kerajaan telah memeterai perjanjian langit terbuka yang bersifat liberal dengan beberapa negara serantau dan MAS sendiri tidak berupaya mengadakan perkhidmatan di semua laluan berkenaan.

Kini, MAS sahaja yang mengadakan perkhidmatan bagi laluan domestik dan serantau manakala Air Asia hanya mengadakan perkhidmatan ke destinasi tempatan seperti Langkawi, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuching, Miri, Kota Kinabalu, Labuan dan Tawau.

Air Asia dijangka mengadakan perkhidmatan ke Alor Star bulan depan dan ke Sibu, Sarawak April ini. Ia dijadual mengadakan perkhidmatan serantau awal tahun depan.

-- BERNAMA

AT MFZ SP MAI